

25/09/1997

Jaminan kepada semua bekas ahli S46

KOTA BHARU, Rabu - Umno Kelantan menegaskan isu penyerapan bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) ke dalam Umno perlu ditutup dan tidak wajar diperbesarkan.

Timbalan Pengerusi badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata beliau memberi jaminan akan memastikan semua bekas S46 di negeri ini yang mungkin tercicir dalam proses kemasukan semula itu, diserap ke dalam Umno.

Menurutnya, jika wujud halangan dan tiada kerjasama di peringkat bahagian sehingga menyukarkan bekas ahli S46 diserapkan ke dalam Umno selepas tempoh bahagian membuat keputusan, ibu pejabat Umno sendiri akan membuat penentuan muktamad.

"Saya ingin melihat isu ini (penyerapan bekas S46) di Kelantan selesai dan ditutup sebelum akhir tahun ini.

"Saya ingin melihat semua ahli S46 yang tulen tidak ditolak keahlian mereka menyertai Umno" katanya selepas majlis penyampaian Biasiswa Khas Pengasas Yayasan Kemiskian Kelantan (YKK) dan Pelajar Cemerlang, di Auditorium Mara, di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah dalam akhbar berbahasa Inggeris Ahad lalu kononnya beribu-beribu bekas ahli parti itu di seluruh negara belum diserapkan ke dalam Umno.

Menurut Razaleigh, sebagai contoh dalam Parlimen Gua Musang, di Kelantan hanya kira-kira 100 orang daripada 7,000 bekas S46 diterima menyertai Umno.

Beliau mendakwa Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut terkejut apabila diberitahu mengenai perkara itu.

Tarikh akhir penyerapan bekas S46 di peringkat bahagian yang diberikan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno tamat pada 30 April lalu dan selepas itu ibu pejabat Umno membuat keputusan menentukan cawangan yang boleh disertai bekas S46.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik baru-baru ini dilaporkan berkata, isu penyerapan bekas S46 sudah selesai.

Annuar berkata, beliau terkejut dengan kenyataan Tengku Razaleigh itu kerana tidak mendapat maklumat sedemikian.

(END)